



# BULETIN INOVASI

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2021



## Menarik di Dalam

**1 ▶** Bengkel Asas Pelaksanaan  
KIK Horizon Baharu  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tahun 2021

**4 ▶** Majlis Persada Inovasi  
Perkhidmatan Awam  
Negeri Selangor Tahun 2021



# Mutiara Kata

“Saya amat mengalu-alukan usaha penambahbaikan dan penciptaan serta inovasi yang dapat meningkatkan dan memberi kesan positif kepada mutu perkhidmatan kita sebagai penjawat awam. Perkara ini akan dapat memberi manfaat kepada pegawai, jabatan dan masyarakat terutamanya kepada penduduk Negeri Selangor.

Saya juga berharap lebih banyak penyertaan dan penglibatan warga kerja Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam penghasilan produk inovasi yang mampu memberi impak positif kepada jabatan, terutamanya dari aspek penjimatan kos, peningkatan kualiti perkhidmatan dan boleh memberi nilai tambah kepada perkhidmatan (*value-added*) dengan kos yang minima atau tanpa sebarang kos tambahan.

Saya mengharapkan semua ketua jabatan dapat memberikan sokongan dan galakan kepada warga kerja di jabatan masing-masing untuk menghasilkan lebih banyak idea-idea yang berteraskan kreativiti dan inovasi”.

– ucapan YB. Dato’ Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2022.



## Sidang Redaksi

### PENAUNG

YB. Dato’ Haji Haris bin Kasim  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

### PENASIHAT

Puan Nor Azurah binti Nasir

### KETUA EDITOR

Encik Syamsul Khoir bin Md Ridzuan

### SIDANG EDITORIAL

Encik Muhammad Fakhri bin Duki @ Marzuki  
Puan Norshaeza binti Aziz

### FOTOGRAFI

Encik Ahmad Fadhli bin Yahya

# Isi Kandungan

- 1** ▶ *Bengkel Asas Pelaksanaan KIK Horizon Baharu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2021*

---

- 2** ▶ *Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2021*

---

- 3** ▶ *Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2021*

---

- 4** ▶ *Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Para Pemenang Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2021 dan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2021*

---

- 5** ▶ *Pencapaian Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2021*

---

- 6** ▶ *Sesi Temu Bual Berkaitan Pembudayaan Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2021*


# Bengkel Asas Pelaksanaan **KIK HORIZON BAHARU** PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2021



Bengkel Asas Pelaksanaan KIK Horizon Baharu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2021 telah dilaksanakan selama tiga (3) hari dari 24 hingga 26 Mac 2021 bertempat di *Ballroom*, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah Alam.

Bengkel yang melibatkan 120 peserta daripada

kumpulan – kumpulan inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini dianjurkan bagi memberi pendedahan yang lebih terperinci tentang pelaksanaan KIK Horizon Baharu dalam organisasi kepada kumpulan – kumpulan inovasi baharu di samping mengukuhkan kefahaman kumpulan inovasi sedia ada tentang pelaksanaan inovasi dalam organisasi.



# Majlis PERSADA INOVASI

## PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2021


Sesi Penilaian dan Pemeriksaan Projek Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor telah diadakan selama lima (5) hari dari 06 hingga 10 September 2021 secara dalam talian bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara. Di samping itu, aspek persembahan pula dinilai melalui video penerangan projek yang telah dihantar oleh semua kumpulan pada 30 April 2021 yang lalu.

Pada tahun ini menyaksikan persaingan di antara 40 kumpulan daripada Jabatan / Agensi Kerajaan, Jabatan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah / Tanah dan Badan Berkanun di Negeri Selangor bagi merebut gelaran johan dalam 4 kategori yang dipertandingkan.

Sesi ini telah diadili oleh tiga (3) orang panel iaitu Puan Kogila Devi A/P Radakrishnan daripada Kementerian Pertahanan, Encik Muhammad Haziq bin Abdul Rahim daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Puan Noor Diana Hayati binti Kamudin daripada Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE).



06 hingga 10 September 2021 | Secara Dalam Talian



Keputusan konvensyen adalah seperti berikut:

### 1. Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan)

- Johan : IRON SQUADRON (Majlis Bandaraya Petaling Jaya).
- Naib Johan : F.P.S (Majlis Perbandaran Ampang Jaya).
- Tempat Ketiga : MEGA (Jabatan Pengairan & Saliran Daerah Kuala Langat).

### 2. Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)

- Johan : EASY.GO (Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor)

- Naib Johan : WASTECH (Majlis Bandaraya Petaling Jaya).
- Tempat Ketiga : JUU<sup>2</sup> (Majlis Perbandaran Klang)

### 3. Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan)

- Johan : FURY INFERNO (Majlis Perbandaran Hulu Selangor & Komuniti Persiaran Seroja, Bukit Sentosa).
- Naib Johan : HOTSPOT CREW (Majlis Perbandaran Ampang Jaya & Persatuan Penduduk Taman Dagang Jaya).
- Tempat Ketiga : AMAL NIAGA 2.0 (Jabatan

Kebajikan Masyarakat (Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah)

**4. Kategori Inovasi Sosial (Penambahbaikan)**


- Johan : NEW OTAI'S (Majlis Bandaraya Petaling Jaya & Persatuan Penjaja Pasar Pagi Sek 17/27 & Arastiga Enterprise)
- Naib Johan : COM-SCI20 (Majlis Perbandaran Klang & Pejabat Kesihatan Daerah Klang)
- Tempat Ketiga: X-CELLENT CREW (Majlis Perbandaran Klang)

**5. Dokumentasi Terbaik :** IRON SQUADRON (Majlis Bandaraya Petaling Jaya).

**6. Persembahan Terbaik :** E-NAZIR BPI (Jabatan Agama Islam Selangor)

**7. Projek Primer Terbaik :** IRON SQUADRON (Majlis Bandaraya Petaling Jaya).

**8. Projek Hibrid Terbaik :** NEW OTAI'S (Majlis Bandaraya Petaling Jaya & Persatuan Penjaja Pasar Pagi Sek 17/27 & Arastiga Enterprise)






Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2021 telah berjaya menarik sejumlah 128 penyertaan pelbagai kategori dari seluruh Negeri Selangor.

Penilaian Awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2021 telah dilaksanakan pada 02 hingga 23 Ogos 2021 secara dalam talian. Semua penyertaan telah diadili oleh tiga (3) orang panel (dalaman) daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iaitu Puan Ayu Azriati binti Chik Ros (Penolong Setiausaha – Inspektorat & Pengiktirafan) Bahagian Korporat, Puan Nurmala binti Saaman (Penolong Setiausaha – Modal Insan Cawangan Pengurusan Organisasi) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Encik Tc. Norhisham bin Mamat @ Zakaria (Penolong Jurutera) Unit Pengurusan Aset, Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebanyak 47 projek inovasi telah terpilih ke peringkat akhir daripada 128 penyertaan keseluruhan.

Seterusnya, Penilaian Akhir pula dinilai dan disemak oleh tiga (3) orang panel yang berpengalaman luas dalam bidang inovasi dan kreatif iaitu Encik Mohd Ramlee bin Musa daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Encik Hussein bin Mohd Ariff daripada *Malaysian Association of Creativity and Innovation* (MACRI) dan Encik Lizuan bin Latif daripada Quality Mind Sdn. Bhd. Penilaian akhir telah diadakan dari 27 hingga 30 September 2021 juga secara dalam talian.

# Anugerah INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2021





Keputusan penilaian akhir AINS adalah seperti berikut:

**1. Kategori Sektor Awam (Pihak Berkuasa Tempatan)**

- **Johan :** Kumpulan Krew Inovasi Sepang Selangor (KISS) Majlis Perbandaran Sepang & Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang  
**Tajuk Projek :** Playu 2.0
- **Naib Johan I :** Kumpulan Smart Scape Majlis Perbandaran Selayang  
**Tajuk Projek :** My Auger - All In One
- **Naib Johan II :** Kumpulan PJ Infinite Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
**Tajuk Projek :** EZ-Spray (Alat Penyembur Mudah Alih)

**2. Kategori Sektor Awam (Agensi Selain PBT & PDT)**

- **Johan :** Kumpulan Go Green Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)  
**Tajuk Projek :** Melestarikan Air Kumbahan Di Malaysia
- **Naib Johan I :** Kumpulan i-TReX Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Tengah  
**Tajuk Projek :** i-SDT (Alat Pemusnahan D-RMK)
- **Naib Johan II :** Kumpulan Lamina Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasia Hospital Serdang  
**Tajuk Projek :** Lumin

**3. Kategori Sektor Swasta**

- **Johan :** National Metrology Institute of Malaysia (NMIM) SIRIM Berhad  
**Tajuk Projek :** Pengukuran Sinaran Ultra Lembayung Terhadap Virus COVID-19
- **Naib Johan I :** Sunway Pyramid  
**Tajuk Projek :** Sunway Smart Parking

**4. Kategori Institut Pengajian Tinggi**

- **Johan :** OHCI Team Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Langat & Universiti Malaya

**Tajuk Projek :** Occupational Hearing Conservation Index System

- **Naib Johan I :** Kumpulan Sapphire Kolej Matrikulasi Selangor  
**Tajuk Projek :** Spiderteach
- **Naib Johan II :** Agricultural Biotechnology Research Group Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam  
**Tajuk Projek :** A Novel Plant Tissue Culture Media Formulation From Agricultural Waste

**5. Kategori Sekolah**

- **Johan :** Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Taman Melawati  
**Tajuk Projek :** MySoil MyPlant
- **Naib Johan I :** Kumpulan Mouseketeers.co Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor  
**Tajuk Projek :** Coco-Rodenticide
- **Naib Johan II :** Pasukan Inovasi Idaman Tea Sekolah Kebangsaan Kampung Idaman  
**Tajuk Projek :** Idaman Tea (Mint Guava Leaf Tea In Pineapple Fibre Sachet)

**6. Kategori Akar Umbi**

- **Johan :** Encik Mohd Nor bin Kapi & Puan Lailiyah binti Hussin  
**Tajuk Projek :** JAM 3
- **Naib Johan I :** 5M Global Resources  
**Tajuk Projek :** My CLIP-ON MY SAVER (MyCOMS)
- **Naib Johan II :** Encik Mohd Amir bin Tukiman  
**Tajuk Projek :** Lidi Separator (Alat Meraut Lidi)

**7. Anugerah Khas Produk Akhir Terbaik**

- Kumpulan Go Green Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)  
**Tajuk Projek :** Melestarikan Air Kumbahan Di Malaysia

# Majlis Penyampaian HADIAH BAGI PARA PEMENANG MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR 2021 & ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR 2021

Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah dijemput oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan untuk menyertai *The 2nd Selangor R&D And Innovation Expo* (SRIE) 2021 sempena *Selangor International Business Summit* (SIBS) 2021 dari 18 hingga 21 November 2021 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).



Sehubungan dengan itu, Bahagian Korporat telah menjemput pemenang Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor 2021 terdiri daripada 12 kumpulan dan pemenang Anugerah Inovasi Negeri Selangor 2021 terdiri daripada 18 kumpulan/individu daripada pelbagai kategori seluruh Negeri Selangor untuk menyertai pameran dan majlis penyampaian hadiah yang diadakan pada 21 November 2021 bersekali dengan Majlis Penutup SRIE 2021. Majlis ini diadakan sebagai satu pengiktirafan kepada



para pemenang Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor 2021 (MPIPANS) 2021 dan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2021. Majlis penutup ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Teng Chang Khim selaku EXCO Industri dan Perdagangan Negeri Selangor mewakili YAB. Dato' Menteri Besar Selangor diiringi YBrs. Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) seterusnya menyampaikan anugerah kepada para pemenang.

Selain daripada pemenang MPIPANS & AINS 2021, majlis ini turut menjadi medium penyampaian hadiah bagi pertandingan *Research & Development* anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta pertandingan STEM AR National Challenge 2021 anjuran bersama Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) dan Apple Profesional Learning Malaysia (APLM).



# Pencapaian Inovasi **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN** **NEGERI SELANGOR TAHUN 2021**



## **SUKSEL (Bahagian Khidmat Pengurusan)**

Pencapaian :

- Anugerah *Par Excellence* di dalam pertandingan 46th *International Convention On Quality Control Circles (ICQCC)* 2021 Hyderabad India



## **HEROES (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)**

Pencapaian :

- Anugerah *Par Excellence* di dalam pertandingan 46th *International Convention On Quality Control Circles (ICQCC)* 2021 Hyderabad India

# Sesi Temu Bual

## BERKAITAN PEMBUDAYAAN INOVASI

### PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2021



“KIK Horizon Baharu merupakan suatu pendekatan yang diperkenalkan kepada penjawat awam untuk memupuk kesedaran sendiri dalam membudayakan inovasi yang mampu meningkatkan imej korporat serta produktiviti warga kerja”

Encik Muhamad Shah bin Osmin | Setiausaha Bahagian (Bahagian Khidmat Pengurusan)



“Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YB. Dato’ Setiausaha Kerajaan Negeri dan pengurusan tertinggi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atas komitmen dan sokongan yang diberikan kepada program pembudayaan inovasi di Negeri Selangor. Pada pandangan saya, pembudayaan inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah yang terbaik pernah saya sertai. Peserta KIK sentiasa dibimbing dan dikemaskini dengan maklumat terkini secara berterusan dengan mengadakan bengkel asas KIK dan sesi *coaching and mentoring*.”

Saya amat mengharapkan agar usaha dalam membudayakan inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dapat diteruskan kerana ianya sangat memberi manfaat kepada kakitangan, pihak pengurusan dan juga kepada rakyat Negeri Selangor secara umumnya. Pembudayaan inovasi secara komited dan berterusan boleh menjana pemikiran kreatif warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat seterusnya menjadi tulang belakang dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan yang telah ditetapkan”

Encik Muhammad Faizal bin Abdul Rashid | Penolong Juruaudit (Bahagian Audit Dalam)



“Saya melihat perkembangan pembudayaan inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang sangat positif bermula tahun 2002 sehingga kini. Kejayaan demi kejayaan yang dikecapi merupakan hasil usaha warga kerja dipacu sokongan tidak berbelah bahagi ketua jabatan serta pengurusan atasan.

Harapan saya agar kecemerlangan ini dapat diteruskan oleh kumpulan inovasi yang baharu dengan menyertai pelbagai platform pertandingan sedia ada. Saya mencadangkan Dasar Pengkomersialan Produk Inovasi Negeri Selangor digubal supaya produk inovasi sedia ada dapat dimanfaatkan sepenuhnya sekaligus menambahbaik kualiti perkhidmatan kepada seluruh rakyat amnya.”

Encik Tc. Norhisham bin Mamat @ Zakaria | Penolong Jurutera (Mekanikal), Unit Pengurusan Aset



“Saya berpendapat Pembudayaan Inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada masa sekarang dilihat lebih baik berbanding sebelum ini berikutan penglibatan daripada pihak pengurusan atasan yang sangat baik. Selain daripada itu, dapat dilihat banyak kumpulan inovasi telah ditubuhkan pada masa sekarang. Sebagai penambahbaikan, setiap warga kerja patut diberikan lebih pendedahan mengenai pembudayaan inovasi dan kebaikannya apabila dipraktikkan terutama dalam menjalankan tugas-tugas harian di pejabat.

Harapan saya satu Dasar Pengkomersilan diwujudkan supaya setiap produk yang dihasilkan mempunyai hala tuju (*way forward*) dan boleh digunakan oleh semua warga kerja dalam menjalankan tugas-tugas harian di pejabat terutama sekali produk-produk yang berpotensi dan mempunyai nilai komersil yang tinggi”

Puan Nur Alina Arni binti Md Morni | Penolong Pegawai Tadbir (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan)



“Pendedahan kepada maklumat serta pengetahuan dan kefahaman mengenai inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dilihat berjaya di kalangan warga kerja di mana setiap tahun kita menghantar wakil ke pelbagai pertandingan inovasi diperingkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Namun begitu, pengukuran kejayaan pembudayaan inovasi perlu dilihat di dalam konteks sejauh mana keupayaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan perubahan, idea-idea baharu dan program-program baharu yang menjurus kepada strategi yang dijalankan dan bukan lagi kepada program-program rutin seperti yang dilakukan setiap tahun”

Cik Noor Fadhilah binti Mohd Zohdi | Pegawai Khidmat Pelanggan (Bahagian Korporat)



“Saya melihat pembudayaan inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertambah baik di masa sekarang dalam pelbagai aspek berbanding dahulu semasa saya menganggotai kumpulan KMK (Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja).

Saya mencadangkan Penyelaras Inovasi Bahagian Korporat melipatgandakan usaha mempromosi dan memberi kefahaman kepada semua warga kerja terutamanya yang baru bertugas mengenai keperluan dan kebaikan inovasi kepada jabatan

Harapan saya agar pembudayaan inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor terus maju ke hadapan dengan penerapan kepada teknologi-teknologi terkini seperti Kecerdasan Buatan (AI), Revolusi Industri (IR4.0), Internet Benda (IoT), *Blockchain* dan sebagainya.”

Encik Ahmad Kamal bin Mohd Ghazali | Pembantu Operasi (KUP) Seksyen Sektor





**SEKSYEN PEMBUDAYAAN INOVASI  
BAHAGIAN KORPORAT**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat Bawah, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-55447053 | Fax : 03-55135569